

Penantian 40 tahun berakhir

138 penduduk Kampung Seri Tiram Jaya terima geran hak milik tanah

TANJONG KARANG - Penantian 138 penduduk Kampung Seri Tiram Jaya, di sini, selama hampir 40 tahun, kini berakhir apabila mereka menerima geran hak milik tanah masing-masing, semalam.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, sebanyak 188 permohonan geran hak milik tanah membabitkan 138 pemohon di tanah pertanian seluas 81.6 hektar berjaya diselesaikan mengikut prosedur ditetapkan.

Menurutnya, kejayaan itu hasil usaha kerajaan negeri dengan kerjasama pentadbir tanah yang komited menyelesaikan isu pemberimilikan tanah di daerah ini kerana tidak mahu penduduk menunggu lama.

“Sebelum ini, masalah pemberimilikan tanah di kampung ini berlaku disebabkan dokumen tidak lengkap gara-gara menggunakan



Abdul Khalid (duduk, tengah) bersama sebahagian penerima geran merakamkan kenangan pada Majlis Penyampaian Hak Milik Tanah di Dewan Masyarakat Kampung Seri Tiram Jaya, semalam.

orang tengah. Namun kini, kita menggunakan kaedah lebih bersistematik dengan memasukkan terus data ke dalam sistem.

“Semua data termasuk permohonan penduduk kini

boleh dilihat secara terus dan kelancaran sistem itu membolehkan geran dikeluarkan dengan cepat,” katanya dalam ucapannya selepas merasmikan Majlis Penyampaian Hak Milik Tanah di Dewan Masyarakat

Kampung Seri Tiram Jaya, di sini, semalam.

Hadir sama, Pegawai Daerah Kuala Selangor, Mohamad Yasid Bidin; Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor, Noraini Roslan; Orang

Besar Daerah Kuala Selangor, Datuk Yaacob Ismail; Adun Bukit Melawati, Ir M Muthiah; Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat Dun Permatang, Mohd Yahya Mat Sahri dan Penyelaras PKM Dun Sungai

Burong, Mohamad Judi Sarjo.

Dalam pada itu, Abdul Khalid berkata, Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Kuala Selangor juga giat memasang notis maklumat kerana pemberimilikan tanah akan dilaksanakan secara menyeluruh di negeri ini tanpa mengira fahaman politik.

“Kerajaan negeri mahu menyelesaikan isu tanah secara menyeluruh. Jika perlu diubah, kita ubah untuk kebaikan rakyat. Mungkin ramai marah sebab saya menggunakan cara luar biasa, namun jika tidak berbuat demikian, masalah tidak akan selesai.

“Penerima juga dinasihatkan tidak menjual tanah untuk meraih keuntungan jangka pendek, sebaliknya tanah itu wajar disimpan untuk membangunkan keluarga kerana nilai tanah semakin mahal seiring kepesatan pembangunan daerah ini,” katanya.